



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA**

JAWATAN KOSONG ANGGOTA PROJEK FAMA

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :

1. Pekerja Upahan

Taraf Jawatan	:	Upahan (Pemandu)
Penempatan	:	Pusat Operasi FAMA Johor Bahru (2 kekosongan), Pusat Operasi FAMA Simpang Renggam (2 kekosongan), Pusat Operasi FAMA Tangkak (2 kekosongan),
Gred / Jadual Gaji	:	Harian 1 jam x RM7.21
KWSP dan Perkeso	:	Ada

Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii) Memiliki Sijil Rendah Pelajaran (SRP) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) / PT3
- iv) Memiliki lesen memandu kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P))
- v) Beriniatif, rajin, berdikari, terbuka menerima teguran, kemahiran komunikasi yang baik, menepati masa, dan bersedia belajar perkara baharu;
- vi) Sihat tubuh badan

Bidang Tugas :

- i) Memandu kenderaan jabatan bagi tujuan urusan rasmi;
- ii) Penjagaan dan penyelenggaraan kenderaan jabatan;
- iii) Mengisi dan mengemaskini buku log;
- iv) Pematuhan Peraturan dan Keselamatan Jalan Raya;
- v) Sokongan operasi pejabat;
- vi) Kesediaan bertugas di luar waktu pejabat;
- vii) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa

2. Pekerja Upahan

Taraf Jawatan	:	Upahan (Pekerja Am)
Penempatan	:	Pusat Operasi FAMA Johor Bahru (3 kekosongan), Pusat Operasi FAMA Simpang Renggam (3 kekosongan), Pusat Operasi FAMA Tangkak (3 kekosongan),
Gred / Jadual Gaji	:	Harian 1 jam x RM7.21
KWSP dan Perkeso	:	Ada

Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii) Memiliki Sijil Rendah Pelajaran (SRP) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) / PT3
- iv) Berinisiatif, rajin, berdikari, terbuka menerima teguran, kemahiran komunikasi yang baik, menepati masa, dan bersedia belajar perkara baharu;
- v) Keutamaan kepada calon yang mempunyai lesen memandu dan pengangkutan sendiri
- vi) Sihat tubuh badan

Bidang Tugas :

- i) Melaksanakan kerja-kerja am berkaitan operasi harian pusat seperti penerimaan, penyimpanan dan pengeluaran produk;
- ii) Membantu dalam pengiraan dan semakan stok barang;
- iii) Menjaga kebersihan kawasan operasi, stor dan persekitaran kerja;
- iv) Membantu pelaksanaan Program Jualan FAMA;
- v) Sokongan operasi pejabat;
- vi) Kesediaan bertugas di luar waktu pejabat;
- vii) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa

CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p**.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Lesen Memandu, Sijil SPM/SRP/PMR/PT3/Diploma, Sijil Persekolahan **yang telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing yang disertakan dengan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
- (d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.
- (e) Permohonan hendaklah sampai kepada:

Unit Pentadbiran
Pejabat FAMA Negeri Johor
Lot 6313, Jalan Taruka,
Off Jalan Datin Halimah,
80700 Johor Bahru, Johor

Sebelum atau pada : **5 MEI 2026 (SELASA)**

CATATAN AM :

Calon-calon di ingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **6 bulan** dari tarikh tutup iklan, hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.